

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
(RASAH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah hasil kutipan GST daripada caj perkhidmatan Mesin Juruwang Automatik sejak ia dilaksanakan berdasarkan bank; dan
- (b) jumlah hasil kutipan GST daripada caj perkhidmatan Online Banking berdasarkan bank.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data kutipan GST daripada bank-bank adalah berdasarkan kepada jumlah nilai keseluruhan

pembekalan bercukai yang dibuat oleh setiap bank. Pada masa ini, tiada keperluan untuk bank atau institusi kewangan yang berdaftar di bawah GST untuk memperincikan nilai berdasarkan setiap jenis pembekalan yang dilaksanakan di dalam penyata GST-03.

SOALAN (270)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]

SOALAN :-

YB. Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan Labu dan Taman Bukit Emas; dan
- (b) jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Negeri Sembilan untuk mengatasi masalah banjir kilat sejak tahun 2008 - 2017.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat semakan dengan Majlis Perbandaran Seremban dan dimaklumkan bahawa bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Taman Bukit Emas, pihak Kerajaan Negeri Sembilan melalui Majlis Perbandaran Seremban telah melaksanakan Projek Cadangan Menaiktaraf Longkang dan Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Bukit Emas, Seremban dengan kos berjumlah RM2.53 juta. Tarikh milik tapak projek adalah pada 21 September 2015. Status pelaksanaan kemajuan fizikal terkini adalah sebanyak 40%. **Projek ini di bawah Kerajaan Negeri dan tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan.**

Manakala Majlis Perbandaran Nilai memaklumkan bahawa banjir kilat di kawasan Labu pula adalah melibatkan jalan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, isu banjir kilat di negeri-negeri adalah tanggungjawab dan tindakan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

(b) Sejak tahun 2008 hingga 2017, Kerajaan Pusat melalui KPKT telah memperuntukan sejumlah RM62.16 juta bagi melaksanakan Projek Pembangunan BP.1 yang melibatkan sebanyak 622 projek membina atau menaik taraf longkang atau parit di Negeri Sembilan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

SOALAN (27 I)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]**

SOALAN :

YB TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik tentang tahap pemilikan ekuiti untuk kaum Bumiputera, India, Cina dan Warga Asing tiap-tiap tahun dari tahun 2008 hingga tahun 2016 ataupun yang terkini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2000, pemilikan ekuiti modal saham sektor korporat menunjukkan 18.9 peratus dimiliki oleh Bumiputera, 41.3 peratus oleh Bukan Bumiputera dan 31.3 peratus oleh kepentingan asing. Manakala, pada tahun 2011 pula, struktur pemilikan ekuiti modal saham di sektor korporat menunjukkan 23.4 peratus dimiliki oleh Bumiputera, 34.9 peratus oleh Bukan Bumiputera dan 37.2 peratus oleh kepentingan asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data ekuiti bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 sedang dikemaskini dan dijangka akan dimuktamadkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017